

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

“KASIH TAK TERLIHAT”: VIDEO RAYA BANK MUAMALAT ANGKAT TEMA GOLONGAN KURANG UPAYA PENGLIHATAN

Kuala Lumpur, 18 Mac 2026 – Sempena sambutan Aidilfitri tahun ini, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) mempersembahkan sebuah video Raya bertajuk ‘Kasih Tak Terlihat’ yang mengangkat tema **kehidupan golongan kurang upaya penglihatan**, mengetengahkan kisah menyentuh hati mengenai seorang ibu buta yang dilupakan oleh anaknya sendiri.

Video Raya ini membawa mesej mendalam tentang kasih sayang seorang ibu yang tidak pernah berkurang walaupun dalam keterbatasan, serta mengingatkan masyarakat mengenai tanggungjawab seorang anak untuk menghargai dan berbakti kepada ibu bapa, khususnya mereka yang diuji dengan kekurangan fizikal.

Menariknya, video ini dihasilkan sepenuhnya oleh warga kerja Bank Muamalat, merangkumi pembangunan jalan cerita, skrip, bakat serta keseluruhan produksi, sekali gus mencerminkan kreativiti dan komitmen dalaman dalam menyampaikan mesej kemanusiaan kepada masyarakat.

Penghasilan video tersebut turut dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan bagi Orang Buta Malaysia (*Malaysian Association for the Blind*, MAB) sebagai sebahagian daripada usaha Bank Muamalat untuk memperkukuh kerjasama strategik bersama organisasi tersebut dalam memperjuangkan kesejahteraan komuniti orang kurang upaya penglihatan di Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin, berkata, inisiatif ini mencerminkan komitmen Bank Muamalat dalam menyemai nilai empati dan keprihatinan melalui pendekatan penceritaan yang dekat dengan realiti masyarakat.

“Melalui ‘Kasih Tak Terlihat’, kami ingin mengajak masyarakat merenung kembali makna kasih sayang seorang ibu yang sering kali tidak ternilai dan tidak terlihat, namun sentiasa hadir dalam kehidupan kita.

“Video ini juga menjadi peringatan bahawa Aidilfitri bukan sekadar perayaan, tetapi masa terbaik untuk kita kembali kepada nilai ihsan, memaafkan serta menghargai insan yang paling berjasa dalam hidup kita,” katanya.

Bersempena dengan penerbitan video ini, Bank Muamalat turut menyampaikan sumbangan baju Raya dan duit Raya kepada komuniti asnaf dalam kalangan ahli MAB, bagi memastikan mereka juga dapat menyambut Aidilfitri dengan penuh kegembiraan dan bermakna.

Inisiatif ini turut selari dengan usaha berterusan Bank Muamalat dalam memperluaskan impak sosial melalui pelbagai inisiatif kewangan sosial, termasuk menerusi Jariah Fund, yang berperanan sebagai platform untuk menyokong golongan memerlukan serta memperkukuh kesejahteraan masyarakat secara lebih inklusif dan mampan.

Usaha tersebut juga menyokong aspirasi Bank Negara Malaysia dalam memperkukuh prinsip *Fair Treatment of Financial Consumers*, yang menekankan penyediaan perkhidmatan kewangan yang adil, telus dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk golongan kurang upaya.

Melangkah ke hadapan, Bank Muamalat komited untuk terus memperluaskan kerjasama bersama MAB melalui pelbagai inisiatif yang mampu memberi impak bermakna kepada komuniti orang kurang upaya penglihatan, termasuk usaha mempertingkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, literasi kewangan serta peluang pembangunan ekonomi yang lebih inklusif.

Komitmen ini mencerminkan aspirasi Bank Muamalat sebagai institusi kewangan Islam yang bukan sahaja menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah, tetapi juga memainkan peranan aktif dalam memacu kesejahteraan sosial dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

Untuk menonton video Raya “Kasih Tak Terlihat”, sila tonton di saluran YouTube rasmi Bank Muamalat atau kunjungi saluran rasmi media sosial Bank Muamalat.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.